

Sosialis

RUMAH PERCUMA UNTUK BEKAS PEKERJA LADANG BANGI




**HASIL PERJUANGAN
15 TAHUN**

baca lanjut di m/s 3



**Padan muka Mahathir
Manakah krisis MB Kedah?**

> m/s 6



**Mampukah Sanders cetus
revolusi politik di AS?**

> m/s 13



**TPPA bagai ais krim
untuk pesakit diabetes**

> m/s 9

**Hari Wanita Sedunia
berasal dari sosialis**

> m/s 11

**GST memang
bebankan rakyat**

> m/s 10

1% lebih kaya dari 99%

baca lanjut di m/s 7

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosoekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.

Mengurangkan biroaksi dan menghapuskan karenah biroaksi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia
22A, Jalan Vivekananda,
Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26314866
Fax: 03-26314867
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: http://partisosialis.org/

Untuk sumbangan,
sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungankiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Walaupun terdapatnya bantahan hebat terhadap Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) daripada masyarakat Malaysia, termasuklah aksi massa pada 23 Januari yang lalu, kerajaan UMNO-BN masih berdegil untuk menjual negara kita dan menggadaikan hak rakyat kepada kapitalis multinasion. TPPA telah dimeterai oleh wakil 12 buah negara termasuklah Malaysia, pada 4 Februari yang lalu di Auckland, New Zealand. Banyak undang-undang negara kita akan diubahsuai sebagai proses ratifikasi TPPA yang bakal menghakis kepentingan rakyat biasa. Era TPPA akan membuka lebih ruang kepada korporat gergasi antarabangsa untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin dengan mengorbankan kehidupan rakyat bawah dalam keadaan krisis ekonomi global yang menjadi-jadi.

Sementara di negara kita, perebutan kuasa dan saling tikam-menikam antara politikus dalam UMNO-BN masih berterusan, dengan episod terbaru yang berlaku di Kedah tetapi hanya berlangsung sekilip mata sahaja apabila Mukhriz Mahathir dipaksa meletak jawatan Menteri Besar Kedah. Ternyata Mahathir Mohamad, seorang politikus veteran dalam percaturan politik, semakin hari semakin ditewaskan oleh Najib yang menguasai jentera pemerintahan yang ditumpukan kuasa dalam tangan seorang sejak zaman Mahathir itu sendiri. Mahathir yang mewujudkan budaya kronisme dalam UMNO dan

melengkapkan mereka yang berkuasa dengan jentera pemerintahan yang kuku besi, sekarang dia sendiri dan puaknya yang terkena dengan segala keburukan yang diciptanya. Memang padan muka!

8 Mac ini menandakan ulangtahun ke-8 "tsunami politik" yang melanda negara kita semasa PRU-12, apabila BN hilang banyak kerusi dan wujudnya Pakatan Rakyat yang memerintah di 5 negeri untuk seketika. Namun, 8 tahun kemudian, Pakatan Rakyat tidak wujud lagi selepas Anwar Ibrahim dipenjarakan sekali lagi. Kelemahan dan permasalahan dalam gabungan parti politik pembangkang yang cuba mencabar kekuasaan UMNO-BN masih belum dapat diselesaikan, sehingga membolehkan UMNO-BN masih nampaknya selesa berkuasa walaupun masalah dalaman UMNO-BN itu tidak kurang hebatnya.

Rakyat biasa masih dilanda dengan pelbagai masalah termasuk tekanan kos hidup yang semakin meningkat, pendapatan sebenar yang semakin berkurangan dan jurang kekayaan yang semakin melebar. Ruangan demokrasi untuk rakyat bersuara dan mengkritik penguasa juga semakin hari semakin diancam oleh pemerintah yang menguatkuasakan undang-undang zalim. Oleh yang demikian, memang tiada alasan untuk kita tidak meneruskan perjuangan. Selagi penindasan dan ketidakadilan masih wujud, perjuangan rakyat perlu diteruskan. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
22A, Jalan Vivekananda, Brickfields

■ **50470 Kuala Lumpur**

■ Tel: 603-22747791

■ Fax: 603-87374772

■ Website- <http://partisosialis.org/>

Penduduk Ladang Sungai Belata buat aduan polis Pemaju tipu selama 23 tahun



Pada 17 Februari yang lalu, lebih 100 orang bekas pekerja Ladang Sungai Belata, Selangor, telah membuat aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Kuala Kubu Baru, terhadap syarikat pemaju yang telah menipu mereka untuk selama 23 tahun. Turut bersama dalam aksi tersebut adalah aktivis daripada PSM, termasuk Setiausaha Agung PSM Sivarajan dan AJK Pusat Arutchelvan.

Walaupun perjanjian jual beli telah ditandatangani, tetapi pihak pemaju masih tidak menunaikan janjinya untuk membina rumah. Aduan polis ini merupakan usaha terbaru para penduduk Ladang Sungai Belata selepas perjuangan mereka telah melalui liku-liku untuk begitu lama. Mereka telah mencuba pelbagai cara sebelum ini, dan bertekad untuk meneruskan desakan supaya hak perumahan mereka dapat direalisasikan.

Aduan terhadap Polis Johor

Satu rombongan yang diketuai oleh Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah menghantar memorandum kepada Jabatan Peguam Negara pada 21 Januari yang lalu, menuntut supaya pihak Jabatan Peguam Negara melaksanakan standard dan peraturan yang lebih ketat untuk polis semasa menjalankan penyiasatan. Tuntutan ini dikemukakan berikut dengan insiden penangkapan aktivis di Johor yang memperlihatkan kepincangan oleh pihak polis di situ.

Memorandum juga dihantar kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Bukit Aman, masing-masing pada 20 dan 22 Januari yang lalu.

Penahanan AJK Pusat PSM Khairul Nizam baru-baru ini menimbulkan banyak kemusuksilan apabila beliau ditangkap dan dibawa ke Johor Bahru dan disimpan dalam lokap di situ. Aktivis yang memberi sokongan di luar balai polis juga ditahan dan dilihat sebagai satu tindakan balas dendam. Oleh itu, PSM menuntut supaya pihak polis perlu bertindak lebih profesional dan mengikut standard penyiasatan yang lebih tinggi.



Mesyuarat JK Nasional ke-23



Mesyuarat Jawatankuasa Nasional PSM telah diadakan pada 14 Februari yang lalu di Pelabuhan Klang. Selain membincangkan perkembangan setiap cawangan PSM, mesyuarat kali ini juga membincangkan cadangan untuk menambahbaik Biro Ideologi dan kempen melindungi pekerja semasa krisis ekonomi.

Pekerja Ladang Bangi menang perjuangan 15 tahun



Pada 16 Januari yang lalu, 24 orang bekas pekerja dari Ladang Bangi, Selangor, telah menandatangani persetujuan bersama dengan Pemaju Transloyal, menandakan kemenangan untuk perjuangan mereka menuntut hak rumah.

Setelah perjuangan selama 15 tahun, 24 orang pekerja Ladang Bangi tersebut telah berjaya mendapat satu unit rumah percuma setiap orang, tapak tanah percuma untuk kuil dan subsidi pembinaan kuil.

Kemenangan pekerja Ladang Bangi ini memang cukup signifikan dan bermakna. Mereka merupakan pekerja yang menaburkan titisan peluh untuk selama 4 generasi dan menghadapi pengusiran apabila ladang dibangunkan. Namun, para pekerja telah bersatu dan melawan penganiayaan. Mereka telah bertembung dengan pihak pemaju dalam melawan pengusiran, termasuklah melawan kes mahkamah, ditahan polis apabila mempertahankan rumah mereka dan berdepan dengan samseng!

Oleh sebab kesungguhan dan kegigihan para pekerja dalam memperjuangkan hak perumahan mereka, akhirnya mereka mendapat kemenangan.

Dalam majlis penandatanganan persetujuan bagi penyelesaian isu perumahan untuk 24 pekerja, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Bekas Pekerja Ladang Bangi, Krishnan, telah menyatakan penghargaannya terhadap penglibatan Parti Sosialis Malaysia (PSM), kerana PSM sentiasa bersama mereka sepanjang perjuangan ini.

Arutchelvan, AJK Pusat PSM, juga berkata, "PSM berbangga menjadi sebahagian daripada perjuangan ini!"

Memang tiadanya jalan pintas untuk sesuatu perjuangan. Pekerja Ladang Bangi telah menunjukkan bahawa hanya dengan ketekadan dan kesungguhan untuk memperjuangkan hak rakyat, barulah kita dapat mencapai kejayaan. ##

Lawatan aktivis dari Australia



Satu rombongan aktivis kumpulan anak muda Resistance dari Australia, telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Malaysia pada 15 hingga 25 Januari yang lalu. Rombongan aktivis anak muda tersebut telah mengunjungi beberapa cawangan PSM untuk mengetahui lebih mendalam tentang kerja-kerja PSM dalam memperjuangkan hak rakyat. Rombongan Resistance juga mengadakan perbincangan dengan Pemuda Sosialis.

Dua orang antara mereka, Chris Jenkins dan Sarah Hathway, telah memberi pembentangan dalam satu forum yang bertemakan "Eko-Sosialisme" pada 22 Januari yang lalu di Petaling Jaya.



Kes RM 2.6 billion ditutup tapi timbul lebih persoalan



Peguam Negara, Mohamed Apandi Ali, telah mengumumkan pada 26 Januari yang lalu bahawa Perdana Menteri Najib Razak tidak melakukan apa-apa kesalahan jenayah berhubung wang RM 2.6 bilion yang dimasukkan ke akaun peribadinya, maka pihak Peguam Negara akan mengarahkan SPRM supaya tutup kertas siasatan ke atas kes ini.

Pengumuman ini memang tidak mengejutkan kerana Mohamed Apandi hanya dilantik pada Julai tahun lepas menggantikan Abdul Gani Patail, semasa siasatan ke atas skandal melibatkan 1MDB dan wang “derma” RM 2.6 bilion masih berjalan. Penggantian jawatan

Peguam Negara tersebut sudahpun mengundang pelbagai spekulasi bahawa itu adalah usaha Najib untuk melepaskan diri daripada ancaman skandal yang sedang mencabar kekuasaannya sebagai pemimpin negara.

Wang RM 2.6 bilion yang dikatakan “derma” daripada kerabat di-raja Arab Saudi telah menjadi salah satu skandal yang menghantui Najib sejak pembongkaran oleh *Wall Street Journal* pada awal bulan Julai 2015. Satu pasukan petugas khas yang dianggotai oleh Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara telah ditubuhkan

untuk menyiasat 1MDB, tetapi orang yang mengetuai pasukan petugas khas tersebut, iaitu Peguam Negara, ditukar secara tiba-tiba. Begitu juga pemimpin UMNO termasuk Timbalan Presiden UMNO Muhyiddin Yassin yang menyatakan tentang skandal derma RM 2.6 bilion itu turut dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Semua ini menimbulkan tanggapan umum bahawa Najib sanggup menggunakan apa jua cara pun untuk menutup skandalnya dan menyelamatkan diri daripada digugurkan kekuasaannya.

Apa yang aneh daripada pengumuman Peguam Negara adalah, daripada RM 2.6 bilion

“derma” yang diterima oleh Najib melalui akaun peribadinya, sebanyak RM 2.03 bilion telah dipulangkan kepada pendermanya. Kenapa seseorang itu menerima derma yang berjumlah sebegini besar sedangkan dia akan pulangkan duit itu kemudiannya? Bagaimana pula dengan baki wang berjuta-juta ringgit yang tidak dipulangkan itu? Ke mana wang itu pergi? Adakah wang itu digunakan untuk membeli undi semasa Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) seperti yang didakwa oleh *Wall Street Journal*?


Identiti “penderma” masih menjadi misteri walaupun Peguam Negara mengatakan dia adalah seorang putera Saudi, tetapi perkara ini telah dinafikan oleh Menteri Luar Negeri Arab Saudi. Jadi, kenapa ada seorang “putera” yang begitu murah hati sehingga menderma wang yang berjumlah begitu besar? Takkak derma itu disumbangkan semata-mata kerana “keikhlasan”?

Sememangnya banyak persoalan yang timbul tidak dijawab oleh Najib sendiri, dan pengumuman Peguam Negara hanya mengundang lebih persoalan tentang integriti kerajaan pimpinan Najib.

Adalah tidak hairan untuk ramai membuat spekulasi lebih lanjut tentang peranan Apandi dalam menyelamatkan kedudukan Najib, apabila Peguam Negara itu dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada masa lebih kurang sama apabila dia “membersihkan nama” Najib.

Integriti dan kredibiliti Najib sebagai Perdana Menteri telah dihakis dengan begitu hebatnya setelah skandal demi skandal. Namun, Najib masih tidak segan dalam menggunakan segala taktik kotor yang mungkin untuk mengekalkan kekuasaannya, menyingkir sesiapa yang mengkritik atau mencabarnya, dan menutup skandal yang meletakkan nama negara kita di peringkat antarabangsa dengan imej yang negatif sekali. ##

Tiada masalah?



Ubahsuai BAJET 2016

Mampukah ia bantu rakyat?



Pada 28 Januari yang lalu, Perdana Menteri Najib Razak telah mengumumkan "Pengubahsuai Bajet 2016" di Parlimen. Bajet 2016 diubahsuai berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia yang menjadikannya berada pada paras harga semakin rendah. Pengubahsuai bajet bermakna kerajaan terpaksa membuat pemotongan bajet untuk menyesuaikan diri dengan pengurangan pendapatan kerajaan.

Najib telah mengumumkan 11 langkah utama, dan antaranya adalah:

1. Mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pencarum pekerja dari 11% ke 8% mulai Mac 2016 hingga Disember 2017.
2. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak RM2000 bagi individu yang mempunyai

pendapatan bulanan sebanyak RM 8000 atau ke bawah bagi tahun 2015.

3. Rumah yang berharga sehingga RM 300,000 akan dihadkan kepada kepada pembeli pertama sahaja.
4. Meliberalisasikan kawalan AP (*approved permit*) ke atas 8 barang import pertanian.

Persoalannya, mampu langkah ini membantu rakyat?

Mengurangkan kadar caruman KWSP adalah langkah yang tidak bijak, kerana ia akan menjelaskan simpanan hari tua kita. Kajian menunjukkan bahawa simpanan hari tua oleh rakyat Malaysia pada masa kini pun memang tidak mencukupi, apatah lagi di masa hadapan dengan kenaikan harga barang. Lagipun, pengurangan 3% tidak memberikan kita wang yang banyak. Jika gaji anda RM1000 sebulan, 3% hanya

bersamaan dengan RM30. Apabila kita membelanjakan duit ini, GST 6% pula akan dikenakan. Jadi, yang rugi adalah kita.

Ingat, pengurangan kadar caruman ini adalah tidak wajib. Jadi, sila isikan Borang 17A yang disediakan oleh KWSP untuk kekalkan caruman KWSP bagi pekerja.

Bagi pengecualian cukai sebanyak RM2000 untuk mereka yang berpendapatan RM8000 ke bawah, tidak ramai yang dapat menikmati faedah ini. Mengikut statistik, hanya 15% rakyat Malaysia sahaja yang membayar cukai pendapatan. Ini bermakna hanya 15% golongan pekerja sahaja yang mendapat gaji lebih dari RM 2500 sebulan. Jadi, hanya mereka yang berpendapatan tinggi dapat menikmati faedah ini, bukan rakyat biasa.

Langkah mengutamakan pembeli pertama bagi rumah berharga sehingga RM 300,000 adalah baik, kerana ini akan mengelakkan ejen-ejen perumahan untuk menyapu bersih rumah-rumah ini dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Tetapi, masalahnya pada masa kegawatan ekonomi seperti hari ini, kita sering melihat rumah rakyat berpendapatan rendah dilelong kerana kegagalan membayar ansuran akibat kehilangan kerja atau pengurangan gaji akibat tiada OT dan sebagainya.

Meliberalisasikan AP dan beberapa langkah lain yang diumumkan mungkin akan membantu, tetapi persoalannya siapa yang mendapat kebaikan tersebut. Sebuah kerajaan yang prihatin, perlu mengambil

langkah yang dapat membantu majoriti rakyat dan terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Oleh itu, kami mencadangkan langkah berikut:

1. Mansuhkan GST sebanyak 6% yang ditanggung rakyat sekarang, kerana ia amat membebankan. Sebaliknya, tingkatkan cukai korporat (yang dikenakan ke atas syarikat besar) untuk menjana pendapatan. Ini akan membantu rakyat jelata dan meningkatkan perbelanjaan seperti yang diharapkan oleh kerajaan.
2. Kurangkan harga TOL dan tambang pengangkutan awam yang dinaikkan beberapa bulan yang lalu.
3. Kawal dan kurangkan harga barang. Dulu harga minyak naik, harga barang naik. Tapi kini, harga minyak turun ke paras sangat rendah, seharusnya harga barang pun turun bersama tetapi ia tidak berlaku kerana tiada kawalan atau penguatkuasaan oleh Kerajaan.
4. Laksanakan Tabung Pemberhentian Kerja yang akan dapat membantu pekerja yang diberhentikan kerja kerana kegawatan ekonomi, selain latihan semula pekerja yang diumumkan oleh Najib.
5. Arahkan bank-bank untuk membekukan pembayaran ansuran perumahan untuk satu jangka masa seperti 12 bulan atau sehingga ekonomi pulih untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Ini akan mengelakkan rumah-rumah daripada dilelong. ##

Peningkatan levi jadikan pekerja migran seperti hamba

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, pada 3 Februari yang lalu, PSM telah membantah rancangan kerajaan untuk menaikkan caj levi ke atas pekerja migran, kerana tindakan itu akan menekan pekerja migran lebih lanjut lagi sehingga menjadi hamba abdi.

"PSM berasa jijik dengan alasan Menteri Dalam Negeri Ahmad Zahid Hamidi yang mengatakan bahawa kenaikan levi adalah selaras dengan pengubahsuai Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, di mana kerajaan perlu mengemukakan kadar levi baru kerana pekerja asing juga menikmati pelbagai manfaat seperti subsidi makanan dan kemudahan lain yang hanya untuk warga negara. Kenyataan tersebut mengarut kerana semua hospital kerajaan sudah pun mengenakan caj penuh ke atas semua pekerja migran!"

Sejak pelaksanaan gaji minimum pada tahun 2013, majikan telah diberi kelonggaran untuk memotong

bayaran levi daripada gaji pekerja migran. Dengan kenaikan levi, yang pasti gaji pekerja migran yang sedikit akan dipotong dengan lebih lanjut. Penekanan ke atas gaji yang lebih lanjut akan memburukkan lagi keadaan "buruh paksa" di kalangan pekerja migran. Ada sebahagian pekerja migran dijadikan "tebusan" oleh agensi pekerjaan yang membayar kos pendahuluan semasa pengambilan, maka mereka "diikat" oleh agensi pekerjaan sehingga membayar semua wang tersebut daripada pemotongan gaji. Sekarang ini, selain pemotongan bulanan daripada gajinya yang disalurkan kepada agensi pekerjaan, pekerja migran juga perlu bayar lebih untuk levi. Pekerja menanggung segala



beban dan menjadi lebih susah.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan kenaikan caj levi setelah wujudnya bantahan daripada banyak pihak. Namun demikian, PSM menegaskan bahawa amalan memotong gaji pekerja migran untuk membayar levi perlu dihentikan. ##



Padan Muka Mahathir

Manakah ada krisis Menteri Besar Kedah?



oleh Arutchelvan

Pada 3 Februari yang lalu, akhirnya Mukhriz Mahathir letak jawatan setelah bergelut selama 2 minggu untuk mengekalkan jawatan Menteri Besar Negeri Kedah. Ada yang menyifatkan ini sebagai satu krisis Menteri Besar Kedah. Bagi saya, nampaknya tidak ada sebarang krisis dan cara UMNO menangani isu ini adalah sama seperti umumnya UMNO mengendalikan semua krisis MB sebelum ini. Kita semua faham bahawa pertarungan sebenarnya bukan antara Mukhriz dengan Ahmad Bashah. Ia juga langsung tidak ada kaitan dengan prestasi MB di mana jarang sekali seorang MB dari UMNO dikeluarkan kerana prestasinya. Orang umum mengetahui bahawa pergelutan sebenarnya adalah antara kem Najib Razak melawan bekas Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad.

Apabila gajah sama gajah bergaduh, memang ada pelanduk mati di tengah. Namun, pelanduk di sini adalah rakyat jelata manakala ada juga segelintir kecil yang menjadi kaya melalui krisis.

Perlembagaan

Di negara kita, walaupun negeri mempunyai autonominya sendiri dari segi hal ehwal tanah dan Dewan Undangan Negeri untuk membuat enakmen, tetapi kebanyakannya kuasanya masih diturunkan dari Pusat memandangkan untuk sekian lama UMNO-BN memerintah hampir semua negeri dalam Persekutuan. Maka, Mukhriz sebenarnya tidak dilantik sebagai Menteri Besar oleh DUN Kedah, malah oleh rakyat Kedah, malah dilantik oleh Institusi Raja di Kedah atau mendapat kepercayaan di Dewan Undangan Negeri. Mukhriz Mahathir dilantik oleh Najib Razak selaku Perdana Menteri Malaysia.

Oleh itu, sebenarnya tidak ada krisis perlembagaan dan sebagainya. Najib melantik Mukhriz dan Najib pula memecat Mukhriz.

Apabila Mukhriz memijak jari Najib, mempersoalkan beberapa kepincangan dalam 1MDB - projek kesayangan Najib, selain daripada menunjukkan sokongan kepada Muhyuddin Yassin yang telah dipecat Najib; maka terbukti Mukhriz sudah gagal ujian ketiaatannya



kepada pemimpin dalam UMNO. Dalam UMNO, menghormati pemimpin parti lebih penting dan lebih relevan daripada menghormati UMNO sendiri.

Contohnya, Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO untuk 22 tahun gagal menang untuk menjadi salah seorang perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2006, apabila tewas dalam pemilihan Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu. Beliau hanya mampu menduduki tempat kesembilan daripada keseluruhan 15 calon yang bertanding merebut tujuh kerusi perwakilan bahagian tersebut. Di sini seorang mantan Presiden UMNO untuk dua dekad tidak mampu melawan Abdullah Ahmad Badawi, Presiden UMNO pada masa itu. Maka, terbukti apabila hilangnya kuasa, maka hilanglah pengaruh.

Razak – Mahathir

Jika kita melihat sejarah Tun Abdul Razak dengan Tun Mahathir, maka apa yang kita boleh lihat adalah warisan yang penuh dengan politik saling bertikaman di belakang, kronisme dan nepotisme.

Jika diteliti, Tun Razak, Perdana Menteri kedua Malaysia menjadi PM selepas berjaya memaksa Tunku Abdul Rahman meletak jawatan pada tahun 1970 sebagai Perdana Menteri dan kemudiannya sebagai Presiden UMNO pada Jun 1971.

Pengkritik utama Tunku pada masa itu adalah Dr. Mahathir, iaitu Pengurus UMNO Negeri Kedah. Pada 26 September 1969, Dr Mahathir telah dipecat daripada UMNO kerana peranannya dalam menuntut Tunku Abdul Rahman meletak jawatan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Orang yang banyak mendapat faedah daripada penentangan Mahathir ke atas Tunku dan juga penulisan bukunya "Dilema Melayu", adalah Tun Razak. Jadi, tidak hairanlah, semasa zaman Darurat 1969, Tun Razak telah dapat mengawal parti melalui MAGERAN – Majlis Gerakan Negara yang dipengerusikan oleh dirinya sendiri. Dengan kekuasaan tertumpu pada Mageran dan tentangan Mahathir terhadap Tunku, maka Tunku hilang populariti dan seterusnya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Maka tidak hairanlah apabila Tun

Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir dibawa masuk semula ke dalam UMNO pada 7 Mac 1972 dan dilantik sebagai Senator pada tahun 1973. Hutang Dr. Mahathir kepada Tun Razak ini akan terus dibayar balik kepada anaknya apabila Tun Razak meninggal dunia pada tahun 1976.

Tun Razak digantikan oleh Hussein Onn, iaitu anak kepada Dato Onn Jaafar, Presiden Pertama UMNO. Jika ditinjau, tiga keluarga ini (iaitu keluar Onn Jaafar, Razak dan Mahathir) terus mendominasi politik Malaysia dan UMNO sejak merdeka lagi.

Pada pertengahan tahun 1981, Hussein Onn mengumumkan pesaraannya kerana faktor kesihatan tetapi ramai pemerhati mengatakan bahawa beliau telah disikuh keluar oleh Dr. Mahathir, semasa Dr. Mahathir menjadi Pemangku Perdana Menteri pada masa itu. Cara yang sama cuba digunakan oleh Anwar Ibrahim untuk menyingkirkan Dr. Mahathir semasa Anwar menjadi pemangku PM tetapi terbukti Mahathir lebih pandai dan terus menghancurkan karier politik Anwar dalam UMNO selepas itu.

Selepas Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, beliau telah melantik Najib menjadi Menteri Besar Pahang pada tahun 1982 dan kemudian melantiknya menjadi Menteri dalam kabinet Mahathir pada tahun 1986. Najib membantu balik Dr. Mahathir dalam pemilihan UMNO pada tahun 1987, semasa Dr. Mahathir menghadapi cabaran paling sengit daripada Tengku Razaleigh. Mahathir hampir kalah dan jika bukan kerana sokongan saat terakhir daripada Najib, maka Mahathir tidak mungkin akan menang dengan hanya majoriti 31 undi. Berucap dalam satu program di Tawau, Sabah baru-baru ini, Najib berkata, "Pada tahun 1987, saya antara yang menyokong dia. Dia (Dr Mahathir) kekal menjadi Perdana Menteri sebab apa? Sebab kita bersama dalam susah. Apabila dalam susah, kita beri sokongan, dia kekal."

Semua diktator biasanya memilih orang yang lemah untuk menjadi pengganti mereka kerana tidak mahu warisan mereka hilang. Maka, Dr. Mahathir melantik Abdullah Ahmad Badawi yang dianggap ramai sebagai seorang yang lemah. Dengan cara ini, Dr. Mahathir dapat mengawalnya dan melaksanakan agendanya dari luar. Namun, apabila Abdullah Badawi enggan berbuat demikian dalam beberapa perkara dan keputusannya bercanggah dengan Dr Mahathir, maka Dr. Mahathir mula mengatur langkah menyingirkannya sebagai Perdana

Menteri, di mana Mahathir sendiri keluar dari UMNO dan akhirnya Abdullah Badawi dapat digulingkan dan digantikan oleh Najib, orang pilihan Dr. Mahathir pada masa itu. Dr. Mahathir juga menjadi ahli semula dalam UMNO apabila Najib menjadi PM.

Kemudiannya Najib melantik anak Mahathir, Mukhriz menjadi Menteri Besar, seperti mana dulu Dr. Mahathir melantik Najib menjadi MB. Namun, kini cinta ini bertukar menjadi benci. Mahathir melawan Najib dan cuba menyingkirkan Najib sebagai PM dan Najib pula sebagai balasan telah menyingkirkan Mukhriz sebagai MB Kedah.

Madu di satu tangan, racun di satu tangan

Dalam UMNO, seorang Presiden UMNO susah dan tidak boleh dicabar kerana beliau memegang portfolio Menteri dalam Negeri dan Menteri Kewangan dalam tangan mereka. Presiden mengawal aliran wang dan juga kuasa penahanan seperti SOSMA dan lain-lain di tangan mereka. Madu di satu tangan dan racun di satu tangan, siapa berani derhaka?

Tun Razak, semasa darurat, dengan kuasa MAGERAN dapat menghabiskan semua musuh politik dan naik ke atas. Begitu juga Dr. Mahathir adalah antara orang yang paling bertanggungjawab dalam menggunakan segala institusi di bawahnya, dari polis, kehakiman, Peguam Negara dan lain-lain lagi. Beliau juga menggunakan pelbagai undang-undang lama dan yang baru digubal atau dipindanya untuk kekal berkuasa. Antaranya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Penerbitan & Percetakan, Akta Kesatuan Sekerja, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan lain-lain lagi untuk mengawal segala gerakan, parti politik, NGO, kesatuan sekerta dan mahasiswa. Malah Mahathir juga telah secara tidak langsung memecat Ketua Hakim Negara dan membuat pindaan Perlembagaan untuk mengurangkan kuasa raja.

Kini, Najib hanya sekadar memperhalusi segala ajaran Dr. Mahathir dan membuat semua yang pernah dilakukan oleh Dr. Mahathir sebelum ini. Kadangkalanya Najib lebih hebat daripada Dr. Mahathir sendiri. Najib kini menguasai Menteri Kewangan, Menteri Dalam Negeri, PDRM, Peguam Negara dan memastikan kedudukan dan kuasanya dalam UMNO selamat. Siapakah gurunya jika bukan Dr. Mahathir? Kini anak murid sudah lawan balik gurunya... Padan muka Mahathir!

(sambung di m/s 7)

Pencapaian kapitalisme global terkini

1% lebih kaya dari 99%

Pada tahun 2010, golongan terkaya di dunia yang memiliki kekayaan bersamaan apa yang dimiliki oleh separuh populasi dunia yang termiskin, boleh dimuat dalam kapal terbang Boeing 747. Dalam jangka masa 5 tahun sahaja, jumlah ini telah dikurangkan sampai boleh dimuat dalam hanya sebuah bas Rapid KL!!!

Dalam sebuah laporan yang diterbit oleh Oxfam, bersempena dengan Forum Ekonomi Dunia 2016 yang diadakan di Davos pada bulan Januari yang lalu, didapati bahawa kekayaan yang dimiliki oleh 1% orang terkaya di dunia, telah melebihi jumlah kekayaan 99% orang yang lain dalam dunia.

Pada tahun 2016, 62 orang terkaya di dunia memiliki kekayaan yang bersamaan dengan apa yang dimiliki oleh separuh penduduk termiskin di dunia, iaitu lebih kurang 3.6 bilion orang. Angka ini telah berkurang daripada 388 orang pada tahun 2010 kepada 80 orang pada tahun yang lepas, dan kini hanya tinggal

62 orang.

Ini menunjukkan ketidaksamaan dalam pengagihan kekayaan telah mencapai satu tahap yang amat serius dan hilang kawalan. Kekayaan dunia semakin hari semakin tertumpu dalam tangan segelintir kecil orang yang mahakaya. Ini adalah punca kepada masalah ketidakadilan sosial dan juga kemiskinan yang tidak habis-habisan.

Kekayaan separuh penduduk dunia yang termiskin, telah berkurang sebanyak USD 1 trillion, dengan kadar pengurangan sebanyak 41%, manakala kekayaan 62 orang terkaya di dunia telah bertambah sebanyak USD 542 bilion menjadi

USD 1.76 trillion, dengan kadar penambahan sebanyak 44%.

Sejak melangkah ke abad ke-21, separuh penduduk dunia yang termiskin hanya memperoleh sebanyak 1% daripada pertumbuhan kekayaan dunia, sementara separuh daripada peningkatan kekayaan sedunia dinikmati oleh golongan 1% terkaya di dunia.

Dalam suku abad yang lalu, pendapatan 10% rakyat termiskin di dunia hanya bertambah sebanyak USD 3 setiap tahun, iaitu hanya tambah 1 sen setiap hari! Ini adalah sumbangan sistem ekonomi kapitalis neo-liberal kepada rakyat sedunia!

Walaupun pemimpin dunia berjanji untuk membasi kemiskinan dan menangani masalah ketidaksamaan ekonomi, namun nampaknya tiada apa-apa tindakan konkret yang diambil sehingga keadaan semakin teruk. Golongan mahakaya terus mengelakkan diri daripada membayar cukai dan mendesak kerajaan di seluruh dunia melaksanakan dasar-dasar yang menjaga keuntungan mereka.

Perjanjian perdagangan bebas seperti TPPA semestinya akan memburukkan keadaan ini.

Sistem kapitalis yang wujud sekarang ini tidak mungkin dapat selesaikan masalah ketidaksamaan dalam pengagihan kekayaan dan ketidakadilan sosial yang berlarutan, malah membikin masalah-masalah yang lebih serius.

Cara yang berkesan untuk mengajih semula kekayaan dunia supaya masyarakat kita menjadi lebih adil dan samarata, adalah melalui pencukaian ke atas golongan yang mahakaya, menaikkan gaji para pekerja, kerajaan melabur lebih banyak sumber kewangan dalam menambahbaikkan perkhidmatan awam dan sebagainya. Walaupun langkah-langkah sedemikian bukannya sesuatu yang radikal, tetapi korporat besar yang mendominasi ekonomi dunia masih tidak ingin memberi laluan kepada kerajaan untuk melaksanakannya.

Kita perlu membina alternatif rakyat dari bawah, yang membolehkan kita mengagihkan kekayaan secara samarata dan sekaligus membebaskan rakyat jelata daripada belenggu kemiskinan.##

62 orang terkaya di dunia memiliki kekayaan bersamaan dengan 3.6 billion rakyat termiskin



sumber: Oxfam



(sambung dari m/s 6)

Dalam semua episod ini, biasanya Presiden UMNO yang menjadi Perdana Menteri juga memegang jawatan Menteri Dalam Negeri, kerana mereka boleh menggunakan kuasa untuk menahan musuh politik melalui ISA dan sekarang SOSMA. Dr. Mahathir memahami bahawa Menteri Kewangan juga adalah amat penting kerana jawatan ini memegang khazanah negara, maka beliau menjadi Perdana Menteri pertama menjawat Menteri Kewangan, dan kini Najib mengikut jejaknya. Melalui Kementerian inilah, segala kuasa wang dapat dikawal – maka timbulnya 1MDB dan sebagainya.

Pada 20 Januari yang lalu, apabila sekumpulan pemimpin UMNO Kedah sepakat mengumumkan pendirian hilang kepercayaan terhadap Menteri Besar Mukhriz Mahathir, percayalah ia telah dirancang di Putrajaya dan bukan di Alor Setar. Sudah pastinya Ahmad Bashah tidak berani membuat satu rebutan kuasa tanpa sokongan daripada Putrajaya.

Semua cubaan penyokong Mukhriz di jalanraya dan stadium, tidak dapat membuaikan apa-apa hasil kerana 14 daripada 15 bahagian sudahpun bersedia untuk habiskan Mukhriz, dan mereka tidak perlu bertanya kepada rakyat, kerana ini bukan dan tidak pernah menjadi budaya dalam

UMNO.

Parti pembangkang pula cuba meminta ia ditentukan melalui undi tidak percaya di DUN Kedah. Namun apakah bezanya cara UMNO dan Pakatan Rakyat kendalikan krisis Menteri Besar di Kedah dan Selangor? Kedua-duanya tidak pernah membawa kepada rakyat, tidak pernah membawa kepada DUN dan tidak pernah membuat undi tidak percaya.

Namun, keputusan dalam UMNO tidak pernah diambil oleh DUN tetapi oleh PM. Pada 21 Januari, Setiausaha Agung UMNO, Tengku Adnan Tengku Mansor berkata tidak ada keperluan untuk mengambil tindakan disiplin terhadap 14 orang Ketua Bahagian UMNO di Kedah, maka sudah sahlah bahawa ia mendapat restu sepenuhnya daripada Putrajaya. *End game* untuk Mukhriz.

Pada 29 Januari yang lalu, Najib pengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di mana Mukhriz diarahkan keluar dari mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Pada 3 Februari, Mukhriz umum letak jawatan sebagai Menteri Besar Kedah dan Bashah mengantikannya.

Campurtangan Istana

Satu perkara yang tidak sihat dalam demokrasi adalah apabila semua

parti politik membawa isu kepada institusi istana untuk menyelesaikan kemelut politik. Taktik ini digunakan oleh kedua-dua pihak parti pemerintah dan pembangkang. Maka, wujudnya persoalan, siapakah sebenarnya mempunyai hak untuk melantik Menteri Besar?

Apa yang sepatutnya adalah, rakyat memilih parti pemerintah melalui pilihanraya; manakala parti yang menang majoriti melantik Menteri Besar. Tetapi dalam krisis Menteri Besar Terengganu, Selangor dan Kedah baru-baru ini, kita melihat istana memainkan peranan utama dalam menentukan Menteri Besar. Ini bercanggah dengan konsep sistem demokrasi yang kita amalkan. Kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang melobi Istana untuk dilantik MB dan amalan ini bukan sahaja mengheret istana dalam politik, malah meremeh-temehkan hak rakyat mengundi pemimpin yang mereka muh.

Dalam isu MB Kedah, setelah hampir 10 hari krisis ini berlarutan, pada 1 Februari, 20 daripada 21 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) menghadap Jemaah Pemangku Sultan Kedah di Wisma Darul Aman dan kemudian pada hari kesokannya, seramai 13 daripada 15 ADUN pembangkang di negeri Kedah diminta menghadap Jemaah Pemangku Sultan Kedah.

Mengapa krisis ini tidak boleh diselesaikan dalam Dewan Undangan Negeri secara undi percaya dan mengapakah pihak Istana harus diheret ke dalam isu ini?

Jangan harapkan rakyat akan mempertahankan pemimpin yang bukan berjiwa rakyat

Jika seorang pemimpin naik ke atas kerana sokongan rakyat, maka rakyat akan bersama beliau semasa beliau dicabar kedudukannya. Itulah sebabnya Anwar Ibrahim mendapat sokongan ramai semasa beliau disingkirkan sehingga puluhan ribu turun ke jalanraya.

Mukhriz naik ke atas kerana Mahathir dan Najib. Dan apabila beliau diturunkan, protes rakyat hanya sementara sahaja. Rakyat ada benda lain untuk fokus, seperti kos kehidupan dan masalah mereka sendiri. Percayalah apabila satu hari nanti, Najib diturunkan, rakyat tidak akan mempertahankannya kerana beliau naik ke pucuk pimpinan negara bukan kerana kemahuan rakyat tetapi kerana kemahuan Mahathir. Begitulah sokongan yang mereka dapat selama ini hanya pura-pura dan kerana takut pada racun dan suka kepada madu.

Mahathir mungkin menyesal hari ini, tentang mengapa dia meletak jawatan dulu. ##

TPPA Tipu Helah Tok Pa

Mustapa Mohamad, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perusahaan, telah membentang Perjanjian Perkongsi Trans-Pasifik (TPPA) di Dewan Rakyat pada 26 Januari yang lalu. TPPDebate.org, satu NGO yang sedang memantau perkembangan TPPA, telah membala hujah Tok Pa secara terperinci. Berikut adalah antara hujah yang dikemukakan oleh TPPDebate.org.

Hujah Mustapa: Malaysia harus bersetuju pada TPPA, kerana dengan adanya TPPA, syarikat-syarikat Malaysia dapat mengeksport lebih barang ke Amerika Syarikat kerana tarif terhadap barang Malaysia akan diturunkan. Jika kita tidak serta TPPA, barang kita akan menghadapi tarif import yang tinggi dan kita tidak dapat bersaing untuk pasaran Amerika Syarikat.

Balasan TPPDebate.org: Kesemua 12 negara yang berunding TPPA adalah anggota Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Anggota-anggota WTO tidak boleh meningkatkan tarif import daripada paras yang wujud sekarang. Paras tarif import untuk barang Malaysia ke Amerika Syarikat adalah hanya 3% pada keseluruhannya. Jika kita berputus untuk tidak serta TPPA pun, Amerika Syarikat tidak boleh menaikkan tarif import terhadap barang Malaysia.

Hujah Mustapa: Tarif import terhadap tekstil buatan Malaysia akan diturunkan sebanyak 70%, dan ini akan meningkatkan eksport tekstil Malaysia ke Amerika Syarikat sebanyak 30%.

Balasan TPPDebate.org: Tok Pa lupa menghuraikan syarat "Yarn Forward Rule". Mengikut syarat yang termaktub dalam TPPA ini, sesebuah negara yang mahu menikmati penurunan tarif import sebanyak 70% itu harus membeli benang (*yarn*) daripada salah satu daripada 12 negara yang menandatangani TPPA. Daripada 12 negara yang mengambil bahagian dalam TPPA, hanya Amerika Syarikat yang ada skala ekonomi untuk mengeluarkan benang berbagai jenis, dan harganya adalah jauh lebih tinggi daripada benang dari negara China yang merupakan sumber benang untuk industri tekstil Malaysia. Jika kita terpaksa membeli benang Amerika Syarikat (AS), kos barang tekstil buatan Malaysia akan naik, dan walaupun tarif importnya ke pasaran AS diturunkan, ada kemungkinan harga jualannya di Amerika akan naik. Ini akan menjelaskan daya saing produk tekstil kita di AS!

Hujah Mustapa: Hak pekerja akan diperkuuhkan di bawah TPPA. Hak untuk menuju kesatuan, berunding perjanjian kolektif dengan majikan, meningkatkan taraf keselamatan di tempat kerja, semua akan diperkasakan di bawah perjanjian TPPA.

Balasan TPPDebate.org: Kita sendiri boleh melakukan segala pemindaan undang-undang demi memperkuuhkan hak pekerja di Malaysia tanpa menandatangani TPPA. Semua perkara ini ada isu-isu dalam untuk negara kita. Tidak perlu kita menggadaikan kedaulatan negara kita untuk mencapai sesuatu yang boleh dilaksanakan oleh kita sendiri.

Hujah Mustapa: Malaysia boleh berundur keluar daripada TPPA tanpa bayaran sebarang penalti pada bila-bila masa pun. Bab 30 dalam TPPA memberi ruang ini. Kita hanya kena memberi notis 6 bulan.

Balasan TPPDebate.org: Ada kemungkinan besar bahawa syarikat asing yang telah melabur semasa TPPA dikuatkuasakan akan menghadapkan Malaysia ke Tribunal Antarabangsa untuk menuntut gantirugi. Walaupun TPPA tiada lagi pada takat itu, mereka boleh memakai peruntukan ISDS yang berada dalam lapan FTA yang Malaysia telah mengadakan dengan beberapa negara lain termasuk Turki, Jepun dan negara-negara ASEAN. (Kaedah ini telah diguna oleh syarikat rokok AS, Philip Morris, yang telah buka anak syarikat di Hong Kong untuk menuntut pampasan melalui ISDS daripada Kerajaan Australia yang telah mengenakan syarat memperkenan gambar barah di atas kotak rokok. Pada takat itu, tiada FTA di antara AS dan Australia. Tetapi ada perjanjian pelaburan di antara Australia dan Hong Kong yang mengandungi peruntukan ISDS.)



Hujah Mustapa: Kami bimbang ekonomi Malaysia tidak akan berkembang jika kita ambil sikap anti-pelaburan asing dan anti-perdagangan.

Balasan TPPDebate.org: Tiada sesiapa yang menolak perdagangan dengan negara lain ataupun pelaburan asing. Apa yang kita bantah adalah keistimewaan yang diberi kepada pelabur asing sehingga kepentingannya diletak lebih tinggi daripada kepentingan rakyat kita. Jangan lupa, Malaysia tidak setuju pada FTA dengan AS pada tahun 2007, tetapi ekonomi kita terus berkembang dan pelaburan asing bernilai berbilion-bilion terus masuk ke negara kita sehingga sekarang.

Hujah Mustapa: Peruntukan ISDS (*Investor State Dispute Settlement*) bukan sesuatu yang baru. Ia adalah sebahagian daripada 74 persetujuan pelaburan dan 8 perjanjian perdagangan yang disertai oleh Malaysia.

Balasan TPPDebate.org: Betul. Tetapi sehingga sekarang tiada sebarang persetujuan pelaburan ataupun perjanjian perdagangan bebas dengan AS. Dan kewajipan kita terhadap syarikat asing di bawah TPPA adalah lebih berat berbanding perjanjian yang kita sudah tandatangani.

Hujah Mustapa: Kedaulatan Malaysia tidak dikompromi.

Balasan TPPDebate.org: TPPA adalah satu perjanjian yang mengangkat kepentingan pelabur asing. Mantra "*Fair and Equitable Treatment*" yang bererti pendekatan yang adil dan samarata terhadap pelabur asing ditafsir sebagai mengelak daripada sebarang polisi yang menyekat keuntungan para pelabur asing. Ini telah melahirkan situasi seperti pada tahun 2007, sebuah syarikat Itali telah mendakwa kerajaan Afrika Selatan di bawah peruntukan ISDS kerajaan kerajaan itu telah melaksanakan Akta Memperkasakan Ekonomi Kulit Hitam.

Di Malaysia pula, kita kena mengubahsuai 16 buah akta sebelum kita dapat menyertai TPPA. Pengubahsuai akta-akta kita akan ditimbang oleh AS untuk memastikan ianya mencukupi sebelum kita diterima sebagai anggota TPPA.

Hujah Mustapa: Malaysia akan kehilangan peluang ekonomi dan pelaburan asing jika kita tidak menyertai TPPA.

Balasan TPPDebate.org: Negara Brazil tidak menyertai mana-mana perjanjian pelaburan tetapi masih merupakan destinasi pelaburan asing kelima tertinggi di dunia. Ciri-ciri yang menarik pelaburan asing ke sesebuah negara adalah pasaran dalaman yang besar, sumber-sumber asli dan kaum pekerja yang rajin dan mahir, bukan perjanjian seperti TPPA.

(Rencana ini diubahsuai daripada tulisan asal TPPDebate.org.)



Ramai berprotes di New Zealand pada awal Februari yang lalu apabila wakil dari 12 negara berkumpul dan menandatangani TPPA di sana. Turut berdemonstrasi membantah TPPA termasuklah masyarakat orang asal di New Zealand.

Ais krim untuk pesakit diabetes



"TPPA bagaikan menyaji ais krim kepada pesakit kencing manis!" Demikian katanya Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput daripada PSM, semasa memberi komen tentang TPPA dan ketidaksamaan ekonomi yang semakin serius di dunia.

Seperti yang kita ketahui, dalam penemuan yang dikemukakan oleh Oxfam baru-baru ini, kekayaan yang dimiliki oleh 62 orang terkaya di dunia setanding dengan apa yang

dimiliki oleh separuh populasi dunia yang termiskin, di mana angka ini telah berkurangan daripada 388 untuk 5 tahun yang lepas.

Pemusatan kekayaan dalam tangan segelintir golongan terkaya adalah sebab utama permasalahan ekonomi dunia hari ini, di mana kekurangan dalam permintaan agregat telah mengakibatkan kecenderungan kegawatan dan kadar pengangguran yang tinggi.

Dunia kita memerlukan pengagihan kekayaan dunia yang lebih adil. Peratusan kekayaan yang mengalir ke 1% teratas masyarakat perlu dikurangkan dan dipindahkan kepada penduduk terbawah 50%. Ini boleh dilakukan dengan cara-cara seperti:

- Gaji minimum yang lebih tinggi untuk rakyat miskin di dunia;

- Menutup tempat berlindung cukai supaya orang terkaya tidak dapat mengelakkan diri daripada membayar cukai dengan menyembunyi kekayaan mereka dalam akaun di luar pesisir;

- Membuat undang-undang untuk menghadkan perhargaan pindahan yang membolehkan 1% terkaya memindah keuntungan mereka ke tempat berlindung cukai.

- Jaringan keselamatan sosial yang lebih baik melalui peningkatan cukai ke atas 1% terkaya.

Langkah-langkah yang disenaraikan di atas ini bukan sahaja akan mengagihkan kekayaan dunia secara samarata, malah juga akan merangsang permintaan agregat dan mewujudkan peluang bisnes dan kerja untuk anak muda di seluruh

dunia.

Apa yang dibawa oleh TPPA adalah bertentangan dengan ini. TPPA hanyalah senarai hasrat korporat. TPPA memberi pemodal besar banyak "hak" baru. Pemodal besar akan terus memonopoli ekonomi. Korporat besar boleh menggunakan peruntukan dalam Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS) untuk mendakwa kerajaan negara yang melaksanakan dasar-dasar yang dianggap menjelaskan keuntungan pelabur asing.

TPPA sudah pastinya memperkuuhkan korporat besar dan menyebabkan kekayaan ditumpukan dengan lebih lanjut lagi dalam tangan 1% terkaya. Oleh itu, TPPA bagaikan menyajikan ais krim kepada pesakit kencing manis! ##

Ahli Parlimen BN sokong jual negara



Usul mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah diluluskan di Dewan Rakyat dalam persidangan khas pada 27 Januari yang lalu, apabila semua ahli parlimen daripada Barisan Nasional (BN) yang hadir mengundi untuk menyokong usaha menjual negara melalui perjanjian perdagangan

bebas tersebut.

Sememangnya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Mustapa Mohamad, membawa usul TPPA ke dalam Parlimen hanyalah satu pertunjukan sarkas untuk menunjukkan kelulusan untuk menerima TPPA itu sudah melalui satu "proses memungut suara", sedangkan kerajaan telah membuat keputusan untuk menandatangi perjanjian perdagangan bebas tersebut sejak awal lagi.

Dalam pengundian pada 27 Januari, kesemua 127 ahli parlimen Barisan Nasional (BN) yang ada di situ

menyokong TPPA, manakala 84 orang ahli parliment pembangkang menolaknya. Amat jelas sekali, tiada seorang ahli parlimen BN yang benar-benar berani bangkit menentang penjualan negara dan rakyat kepada korporat besar antarabangsa.

Sekali lagi terbukti bahawa, Parlimen Malaysia terus menjadi cop getah termahal untuk meluluskan usul yang dibawa oleh pihak kerajaan, sedangkan usul tersebut berkenaan dengan TPPA yang bakal menghakis hak rakyat dengan seriusnya.



Rakyat Malaysia perlu teruskan usaha untuk berjuang dari bawah sehingga mencapai perubahan yang benar-benar mengembalikan kedaulatan rakyat. ##



Sambil lalu, ambil tahu

Seronok jika kita dapat jadi kaya dengan segera, bukan? Memang wujud peluang sebegini, tetapi ia hanya seketika dan peluang ini dinamakan *Monopoly*.

Konsep asal permainan papan yang pernah menjadi popular ini direka oleh Elizabeth Magie, seorang yang berfahaman ekonomi anti-monopolis. Asalnya permainan ini bertujuan untuk menunjukkan aspek buruk pengumpulan harta oleh monopolis persendirian. Mula diterbitkan sendiri pada tahun 1906, ia juga mengutarakan buah fikiran Henry George mengenai Percukaian Tunggal dan hak wanita.



**“Jika ada perkara yang tidak betul,
bersuaralah!”**

Pete Seeger,
penyanyi lagu rakyat dan aktivis.



Berbillion-bilion untuk kerajaan Sikit saja untuk rakyat

Pada bulan April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan oleh kerajaan BN dengan kadar cukai 6%. GST adalah cukai yang dikenakan ke atas pengguna. Ia merupakan cukai yang dipaksa ke atas rakyat. Baru-baru ini, Perdana Menteri Najib Razak berkata bahawa ekonomi Malaysia selamat kerana GST. Sebanyak RM 51 billion hasil cukai dikutip pada tahun 2015 dengan GST, berbanding RM 37.2 billion pada tahun 2014 tanpa GST. Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pula berkata bahawa GST tidak menyelamatkan ekonomi Malaysia. Ia hanya menyelamatkan Najib. Menurutnya, tabung simpanan Pulau Pinang telah meningkat dari RM 572.50 juta pada tahun 2010 ke RM 880.75 juta pada

tahun 2014 tanpa GST. Ketua Pemuda PAS, Nik Mohamed Abdur pula berkata, bagaimana Najib boleh katakan GST bawa berkat walhal adalah salah di sisi agama Islam untuk mencukai orang miskin!

Seramai 79 aktivis daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan beberapa kumpulan NGO lain yang berkempen untuk membantah GST yang bebankan rakyat pula telah didakwa dan lebih setahun kes ini telah berjalan di mahkamah. Perbicaraan ditetapkan pada 29 Feb hingga 3 Mac 2016. Tidak cukup dicukai secara paksa, yang membantah pun mahu diheretnya ke penjara!



Kerajaan BN tak peduli dengan nasib rakyat miskin!

Puan Nor Hazliza dari Kajang mempunyai 4 orang anak (berumur 1 hingga 8 tahun) dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1,500. Dia berkata bahawa, sewa rumah telah meningkat; harga pampers, susu, ikan dan sebagainya sudah naik; tambang bas sekolah sudah naik – macam mana kerajaan sanggup mencukai orang miskin macam saya? "Selain BR1M, kerajaan harus memperkenalkan catuan makanan (*food ration*) untuk membolehkan keluarga miskin mendapat makanan asas percuma setiap bulan", begitu katanya. Melihat keadaan rumahnya yang hanya ada perkara asas seperti dapur, tilam dan peti sejuk yang masih belum habis dibayar hutang, langsung tak merungut. Cuma harapkan kerajaan lebih prihatin dengan golongan berpendapatan rendah.

Sharmila yang berumur 20 tahun, sedang menunggu keputusan STPM, tinggal bersama ibu. Adiknya pula amat risau dengan keadaan ekonomi yang semakin teruk. Katanya, "rakyat bantu kerajaan dengan GST, tapi bagaimana pula dengan kami, siapa yang bantu kami?" Teguran Sharmila kepada kerajaan, "BR1M bukan penyelesaian, naikan gaji pekerja kepada sekurang-kurangnya RM1,500, barulah keluarga berpendapatan rendah macam kami mampu hidup dengan bermaruah." Sharmila bercita-cita meneruskan pendidikan agar dapat memperbaiki keadaan hidup mereka. Sehingga hari ini keluarga ini tiada rumah sendiri. Bagaimana mungkin dapat hidup selesa dengan pendapatan isi keluarga kurang daripada RM 1,500? Dengan kos pendidikan semakin tinggi, peluang pekerjaan yang tipis, gaji rendah dan kadar hutang isi rumah semakin naik, mampukah



mereka?

Dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Ipsos Malaysia Sdn Bhd berhubung hasil kajian mereka di kalangan 1,002 rakyat Malaysia, didapati GST telah mengubah tabiat membeli-belah di kalangan 61% orang. 28% orang membelanja lebih untuk memenuhi keperluan kerana harga barangan sudah meningkat dan nilai ringgit telah jatuh. Manakala 33% kurangkan perbelanjaan untuk berjimat cermat.

Lim Sue Goan telah menulis satu artikel (diterbitkan oleh *Malay Mail Online*) mengenai jurang kaya miskin yang semakin besar di Malaysia. Beliau merujuk kepada 2 berita terkini yang dilaporkan iaitu:

- Lebih kurang 18,675 orang mahasiswa di universiti tempatan tidak mempunyai duit yang mencukupi untuk makanan yang sewajarnya.
- Penjualan kereta Mercedes telah melompat 56% atau 3,913 unit tahun lalu.

Apakah ini menunjukkan?

Harga barang mula naik selepas

dan kolej swasta sebanyak 15%.

Walaupun kerajaan boleh memanggil GST sebagai penyelamat ekonomi negara, cukai GST 6% benar-benar membebankan golongan miskin. Kata beliau, jangan kita lupa, ada 40 peratus keluarga di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM 3,000 sebulan. Pendapatan yang diusahakan mereka, hampir tidak cukup untuk memenuhi keperluan.

Kepada mereka yang kurang kemampuan, nasi RM 2 pun satu perkara besar, tetapi kepada mereka yang kaya-raya, RM 2,000 untuk menjadi ahli kelab golf adalah terlalu remeh untuk disebut sekali pun. Bank Dunia menganggarkan bahawa pekali gini Malaysia berada pada 0.462, di atas paras 0.4 yang merupakan paras amaran, memandangkan yang terkaya 15 peratus mengawal 80 peratus daripada kekayaan keseluruhan masyarakat itu. Jurang ini dijangka melebar lagi, menyemai benih ketidakstabilan sosial.

(oleh Letchimi Devi)



Jangan lupa asal usul radikal Hari Wanita Sedunia

Setiap tahun, pada 8 Mac, organisasi masyarakat sivil di seluruh dunia akan meraihkan Hari Wanita Sedunia, untuk memperingati pencapaian dalam menegakkan hak wanita dan seruan untuk kesamarataan gender. Namun, berkemungkinan ramai yang meraihkan hari yang bermakna ini telah lupa tentang asal usul sebenar Hari Wanita Sedunia. Ada yang mungkin akan terkejut bahawa Hari Wanita Sedunia dilahirkan oleh gerakan sosialis yang radikal pada awal abad ke-20.

Asas teori kiri untuk pembebasan wanita

Tokoh-tokoh Marxis pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, seperti Karl

Marx, Friedrich Engels, Clara Zetkin, Rosa Luxemburg, V.I. Lenin, Alexandra Kollontai dan Leon Trotsky, telah memperkembangkan rangka teori yang menghubungkaitkan perjuangan pembebasan wanita dengan perjuangan untuk membina sosialisme.

Marx dan Engels menjelak punca penindasan ke atas wanita yang wujud pada peranan wanita dalam keluarga nukleus di bawah

masyarakat kelas. Mereka memahami bahawa peranan wanita sebagai "pembuat" secara biologi membawa kepada status bawahan mereka dalam keluarga nukleus, dan oleh yang demikian di seluruh masyarakat. Di bawah masyarakat kapitalis, wanita dalam keluarga yang memiliki harta melahirkan pewaris harta, sementara wanita dalam keluarga kelas pekerja melahirkan generasi tenaga kerja untuk sistem kapitalis.

Prasyarat untuk pembebasan wanita

daripada penindasan secara gender adalah penghapusan buruh tidak berbayar dalam keluarga, dan ini hanya dapat dilakukan melalui transformasi sosialis dalam masyarakat. Ini tidak akan dicapai secara beransur-ansur tetapi hanya melalui proses revolusi, dalam pertempuran penentuan antara kelas. Golongan wanita telah memainkan peranan yang penting dalam perjuangan kelas khususnya selepas dunia melangkah masuk ke dalam sistem kapitalis.

Hari Wanita Sedunia cetus revolusi

Pada penghujung abad ke-19, Parti Demokratik Sosial Jerman (SPD) yang masih berpegang pada fahaman politik Marxis pada masa itu telah membentuk satu gerakan pekerja wanita sosialis. Satu biro dalam SPD yang dipimpin wanita telah ditubuhkan pada tahun 1891, dengan Clara Zetkin, seorang tokoh kiri Jerman, menjadi pemimpin yang penting dalam gerakan wanita tersebut.

Pada 28 Februari 1909, untuk memperingati mogok pekerja pembuat baju (yang kebanyakannya wanita) yang berlaku setahun sebelum itu, Parti Sosialis Amerika telah menganjurkan satu perarakan di New York. Aksi tersebut dipanggil "Hari Wanita Kebangsaan" dengan tuntutan wanita kelas pekerja untuk kenaikan gaji, keadaan kerja yang



Clara Zetkin (1857-1933)

lebih baik dan juga hak mengundi.

Pada Ogos 1910, semasa Persidangan Wanita Antarabangsa yang diadakan oleh Internasional Kedua di Copenhagen, Denmark, tokoh sosialis Jerman Luise Zietz telah mencadangkan usul untuk meraihkan "Hari Wanita Antarabangsa" setiap tahun dan disokong oleh Clara Zetkin. Persidangan yang dihadiri oleh 100 orang aktivis wanita kiri dari 17 buah negara itu telah bersetuju dengan cadangan tersebut sebagai strategi untuk memperjuangkan kesamarataan dan hak mengundi untuk semua termasuk wanita.

Setahun selepas itu, pada 19 Mac 1911, Hari Wanita Sedunia telah disambut untuk kali pertama, oleh lebih sejuta orang di Austria, Denmark, Jerman dan Switzerland. Mereka yang berarak pada hari itu telah mengemukakan tuntutan seperti hak

mengundi untuk wanita, hak untuk wanita memegang jawatan awam, hak untuk kerja, menghentikan diskriminasi berdasarkan seks dan sebagainya. Pada awalnya, Hari Wanita Sedunia disambut dengan mogok kerja, perarakan dan protes dengan tuntutan politik yang dianggap sangat radikal pada waktu itu.

Wanita Rusia mula menyambut Hari Wanita Sedunia pada tahun 1913. Pada tahun 1917, pekerja wanita Rusia menyambut Hari Wanita Sedunia dengan mengadakan mogok kerja dan demonstrasi besar-besaran. Tuntutan yang dibawa dalam demonstrasi adalah "roti dan keamanan", sebagai bantahan terhadap penglibatan Rusia dalam Perang Dunia I dan masalah ekonomi yang diakibatkan oleh pemerintahan Tzar pada masa itu. Demonstrasi telah diadakan pada 23 Februari mengikut Kalender Julian (iaitu 8 Mac mengikut Kalender Gregorian), di mana protes besar-besaran akhirnya mencetuskan Revolusi Februari yang menjatuhkan pemerintahan Tzar. Pekerja-pekerja tekstil yang kebanyakannya kaum

wanita di Saint Petersburg yang mula bermogok telah menghantar wakil untuk meminta sokongan daripada pekerja yang lain, sehingga mencetuskan mogok besar-besaran, dan kemudiannya semua pekerja turun berdemonstrasi di jalanan sehingga rejim Tzar jatuh. Hari Wanita Sedunia dijadikan sambutan tradisi golongan sosialis sejak itu, untuk memperingati kehebatan perjuangan kaum wanita dalam menentang sistem.

Sambutan Hari Wanita Sedunia mencetus revolusi yang menjatuhkan kekuasaan golongan oligarki dan merangsang kebangkitan perjuangan pekerja, itulah semangat asal Hari Wanita Sedunia.



Revolusi Februari di Rusia pada 1917

Hari Wanita Sedunia kini hilang sifat radikal?

Pada tahun 1960-an, tercetusnya gelombang kedua feminism di negara-negara Barat, dengan aktivis wanita giat berjuang menentang diskriminasi seks dan mencabar susunan seksis dalam masyarakat patriarki. Pada masa yang sama, menegakkan hak wanita telah menjadi sebahagian daripada politik arus perdana antarabangsa.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengumumkan bahawa tahun 1975 disambut sebagai Tahun Wanita Antarabangsa. Kemudiannya

pada tahun 1977, PBB secara rasminya mengiktiraf 8 Mac sebagai Hari Wanita Sedunia, dan mengundang negara-negara anggotanya untuk menyambut hari tersebut.

Pada zaman sekarang, Hari Wanita Sedunia disambut secara meluas, dan PBB memberikan tema untuk sambutan Hari Wanita Sedunia tahun ini adalah "Janji untuk Kesamaan" (*Pledge for Parity*), dengan menyedari bahawa masih wujudnya jurang ketidaksamaan antara gender dari segi pengagihan kekayaan ekonomi dan kuasa politik.

Namun, pada masa kini juga, Hari Wanita Sedunia mendapat tajaan daripada pihak korporat yang cuba mewujudkan imej mereka yang mesra wanita. Ini telah menjadikan sambutan Hari Wanita Sedunia semakin hari semakin jauh daripada semangat asalnya yang mencabar


seluruh sistem kapitalis yang patriarki.

Hakikatnya pada hari ini, walaupun status wanita telah meningkat dengan agak signifikan untuk 100 tahun yang lepas hasil daripada perjuangan gerakan wanita selama ini, namun masih wujudnya ketidaksemasaan hak dan diskriminasi terhadap wanita yang sistematis. Secara puratanya, pekerja wanita masih tidak dibayar secara setara berbanding dengan pekerja lelaki, di mana pendapatan tahunan wanita sedunia secara puratanya hanya USD 11,000 berbanding USD 21,000 untuk pendapatan lelaki secara purata. (sumber: *Global Gender Gap Report 2015*) Jikalau kita meneliti lebih mendalam lagi, pendapatan pekerja wanita bawahan akan jauh lebih kurang lagi, dan tidak lupa juga ramai wanita di negara dunia ketiga yang tergolong sebagai pekerja tidak formal, yang langsung tiada perlindungan kerja dan pendapatan

tetap.

Tambahan pula, wanita masih tidak diwakili dengan angka yang setara dalam struktur kuasa yang didominasi oleh elit politik dan kapitalis yang kebanyakannya lelaki. Pendidikan dan kesihatan yang dinikmati oleh wanita masih lebih teruk daripada lelaki secara global. Keganasan terhadap wanita juga masih berleluasa di serata dunia.

Marilah kita kembalikan semangat asal Hari Wanita Sedunia yang radikal, supaya kita dapat mengingatkan diri kita sendiri bahawa masih lagi banyak perlu dilakukan untuk mewujudkan pembebasan yang sebenar untuk kaum wanita. Perjuangan pembebasan wanita tidak boleh dipisahkan daripada perjuangan kelas yang mencabar sistem kapitalis yang sedia ada dan mewujudkan masyarakat yang adil. Begitu juga kita tidak mungkin dapat membawa perubahan sebenar untuk masyarakat tanpa pembebasan wanita. ##



Ulasan cerpen

oleh Nik Aziz Afiq

(Cerpen yang diulas di sini merupakan cerpen pertama daripada 9 cerpen yang dikompilasikan dalam buku bertajuk "Lambaian Ranjau Kehidupan, karya Dr. Mohd Nasir Hashim, Pengurus PSM.)

Saya merasai satu sentapan sesudah selesai membaca cerpen "Berbicara Dengan Dia". Ada satu getar yang unik berlaku dalam diri. Biasanya cerpen membawa pembaca "ke alam lain". Pembaca biasanya dibuai dengan kisah yang direka penuh cantik babaknya untuk berangan kononnya menjadi seperti watak utama tersebut. Cerpen menjadi "pil khayal" dan pembaca membacanya untuk keluar dari dunia realiti buat seketika. Namun cerpen ini tidak.

Ceritanya mudah. Seorang lelaki yang dapat diagak usianya dalam awal 30-an menyahut cabaran rakan-rakan sekerja untuk bermalam semalam di dalam hutan. Beliau ditawar RM 200 jika mampu menerima cabaran itu.

Beliau terima cabaran ini demi menjaga muka selaku orang yang lantang mempertikaikan hantu jembalang dan perkara karut. Namun, tanpa pengetahuan rakan-rakan sekerja, beliau juga menerima cabaran itu kerana sebab yang lain. Sebab itu jauh lebih utama, iaitu untuk mencari ketenangan. Secara fizikal, orang melihat beliau sebagai seorang yang ceria, suka buat kelakar seakan tidak bermasalah. Namun, dapat difahami beliau merasakan "kekosongan". Ketenangan itu perlu dicari kebetulan jirannya berpesan untuk ke tempat yang gelap dan bersendirian untuk bertafakur. Oleh kerana itu, beliau sanggup menerima cabaran ini.

Semalam di hutan, beliau menerima "ziarah" seorang lelaki tua dan berlaku dialog yang mengubah pandangan lelaki ini tentang apa itu kehidupan. Lelaki tua itu kemudiannya lesap dan dia menerima satu pengajaran bermakna lebih mahal daripada RM200 yang ditawarkan.

Saya habiskan bacaan ke noktah terakhir dan rasakan ada "bebani" menghempap diri. Cerpen ini menimbulkan persoalan pada diri sebenarnya. Seakan satu seruan untuk menilai siapa diri anda dan cubaan memahami perjalanan hidup kita yang penuh rumit ini.

Penulis dengan berjaya membawa masuk unsur dialektik dan menggongcang saya bahawa hidup ini tidak setiap saat indah, tidak semua masa penuh senang, tidak setiap hari dalam keadaan baik. Penciptaan manusia dibekalkan dengan baik dan buruk. Setiap hari kita ada melakukan kebaikan dan setiap hari kita juga melakukan keburukan.

Berbicara Dengan Dia

Namun minda naif kebanyakannya seperti saya dan juga watak utama cerpen ini ialah kita melihat kehidupan dari sebelah sisi. Ibarat duit syiling, kita hanya melihat dari satu sisi sahaja sedangkan ia mempunyai dua sisi. Tanggapan kita itu membuatkan kita "kosong". Rasa ada yang tidak lengkap dan "kehilangan".

Minda yang naif seperti saya selalu beranggapan bahawa hidup akan jadi indah apabila dari celik mata sehingga tutup kembali sepanjang hari tidak ada masalah berlaku. Dapat makan sedap setiap masa, segalanya selesa dan menjadi, orang sekeliling sayang dan kewujudan rasa diperlukan.

Hakikatnya persepsi itu silap dan tidak "indah". Kita diciptakan untuk dialektik. Mempunyai sifat berlawanan. Ada baik buruk, ada kiri kanan, ada susah senang, ada bahagia derita dan banyak lagi. Mengapa kita berangan untuk hidup dengan sebelah sisi sahaja sedangkan penciptaan kita tidak begitu?

Melalui keburukan kita belajar menjadi baik. Melalui kebaikan kita belajar dahsyatnya keburukan. Melalui kegagalan kita bersemangat untuk raih kemenangan dan dari kemenangan kita waspada dengan kegagalan.

Tujuannya saling lengkap melengkapi. Segala masalah dan derita yang kita hadapi hari ini untuk mengajar kita menjadi lebih kuat dan "orang baru" esok hari. Setiap sengsara dan airmata seharusnya dilihat sebagai keperluan sebelum mencapai kegembiraan. Makin kita diuji dengan kesusahan, makin kita tersenyum menanti kesenangan. Pemikiran dialektik yang melihat dari sisi berbeza ini melahirkan minda positif.

Kita tidak akan mampu buang semua keburukan kerana kita bukan dicipta sebagai malaikat. Kita juga tidak mampu buang segala kebaikan dan memilih hidup dalam kejahanan setiap masa kerana kita tidak dicipta menjadi syaitan. Kita manusia yang dibekalkan keduanya untuk memberikan imbanginan dan menjadikan dua perkara ini neutral.

Orang yang putus harapan apabila gagal dan mengatakan tidak ada cara untuk atasi kegagalan itu akan hidup dengan asyik menyalahkan dan putus harapan. Orang begini akan rasa hidup itu kosong. Orang yang diberikan kejayaan namun leka dan menganggap ia sebagai kekal selamanya akan jatuh terduduk dengan teruk apabila diuji kegagalan.

Orang yang memahami dialektik. Dia menerima gagal dan berjaya, baik dan buruk sebagai asam garam kehidupan. Dia bukan orang yang banyak cari alasan untuk menutup kelemahan dan bukan orang yang sompong meninggi diri.

Hidup orang yang berdialektik sentiasa melihat tujuan dan tidak terasa kosong. Betapa hebat cerpen ini yang benar-benar menyentuh hati saya.

Kesusahan membuatkan kita menjadi lebih menghargai kesenangan. Orang yang tidak pernah merasa susah akan menganggap kesenangan yang dilaluinya sebagai kosong dan membosankan. Kelaparan sepatutnya membuatkan kita bersyukur bila mendapat makanan dan berada dalam posisi kenyang.

Inilah hidup. Pandang dua sisi dan kita tidak akan gentar mengorak langkah. Dialektik menjadikan kita lebih bersyukur dan paling penting, lebih berfikir!

Anda boleh dapatkan buku kumpulan cerpen "Lambaian Ranjau Kehidupan" ini secara pembelian terus di Ibupejabat PSM di Brickfields Kuala Lumpur, atau hubungi Bendahari PSM, Sook Hwa,



di talian 016-2290460. Buku ini berharga RM 25 sahaja. Di samping memuatkan cerpen, buku ini turut menghimpunkan lukisan menarik yang menjadikan pembacaan ini segar dan tidak buku dengan tulisan semata-mata. ##

(sambung dari m/s 13)

Walaupun "sosialisme" yang dibawa oleh Sanders itu adalah sesuatu yang begitu sederhana sekali dalam mencabar susunan sistem kapitalis global, malah boleh dikatakan ia hanya sekadar pengubahsuaian ke atas sistem itu untuk terus berfungsi, namun bagi oligarki sistem kewangan Wall Street yang menguasai ekonomi AS hari ini, apa yang dibawa oleh Sanders dianggap sebagai satu pendirian politik yang sangat radikal.

Sanders berpendapat bahawa masalah terbesar yang dihadapi oleh masyarakat AS hari ini adalah ketidakadilan sosial yang sudah menjadi amalan biasa. Ketidakadilan ini ditonjolkan dalam jurang kekayaan yang semakin melebar dan dasar-dasar kerajaan yang berasaskan perkauman. Alternatif yang dicadangkan oleh Sanders adalah memperkuatkan dan memperluaskan kelas menengah; memastikan jaminan kerja untuk pekerja; meningkatkan gaji minimum; melaksanakan sistem perubatan universal; mengurangkan beban hutang pelajar; memperluaskan kebajikan sosial dan sebagainya.

Sanders membantah perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang mendatangkan mudarat kepada pekerja, termasuklah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA). Berbeza dengan semua calon presiden yang lain, Sanders berpandangan bahawa ancaman utama untuk keselamatan AS, bukannya Rusia, China, Iran ataupun ISIS, tetapi adalah perubahan iklim yang disebabkan oleh ekonomi kapitalis yang mementingkan keuntungan semata-

mata.

Sanders tidak mempunyai hubungan erat dengan golongan elit korporat seperti Hilary, beliau juga tidak mempunyai bakat berpidato yang hebat seperti Barack Obama, tetapi Sanders mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada ramai orang khususnya golongan muda, kerana beliau secara konsistennya berhujah tentang isu yang berkait rapat dengan rakyat biasa. Sanders membawa idea dan dasar perubahan radikal untuk mencorak halatuju masyarakat AS, dan inilah aspirasi rakyat biasa.

Kebangkitan Sanders sebenarnya bukan sesuatu yang mengejutkan tetapi lanjutan daripada kemarahan rakyat terhadap kekuasaan kapitalis kewangan yang tercusus sejak krisis ekonomi 2008.

Walaupun Sanders tidak semestinya dapat membawa satu perubahan yang radikal kepada susunan kapitalis neo-liberal yang sedia ada jika beliau menjadi Presiden AS, tetapi cabaran hebat yang dihadapinya adalah bagaimana menang dalam proses pemilihan awal dengan mengalahkan Hilary yang mendapat dukungan kuat daripada golongan elit pemerintah. Namun, yang pasti momentum kempen Sanders akan berkembang hebat.

Seperti yang diwar-warkan oleh Sanders, AS perlukan satu revolusi politik. Sanders dan politik sosialisnya yang sederhana tetapi dianggap terlalu radikal oleh arus perdana AS hanya akan mencipta sejarah dengan berlakunya revolusi politik. Revolusi politik ini jika betul-betul berlaku, bukan sahaja memberi impak yang mendalam kepada negara AS tetapi seluruh dunia. ##

Sanders cetus revolusi politik?

Pemilihan awal untuk calon Presiden Amerika Syarikat (AS) telah bermula pada bulan Februari. Selepas 2 pusingan pengundian untuk pemilihan awal calon presiden bagi dua parti utama, iaitu Parti Republikan dan Parti Demokrat, dapat kita saksikan persaingan sengit antara calon-calon dalam kedua-dua parti tersebut.

Pemilihan awal untuk kedua-dua parti utama AS telah berlangsung pada 1 dan 9 Februari yang lalu di negeri Iowa dan New Hampshire. Untuk Parti Republikan, setakat ini politikus hartawan Donald Trump sedang mendahului pesaing yang lain dalam Parti Republikan, termasuklah Ted Cruz (Senator yang mewakili negeri Texas), Marco Rubio (Senator Florida) dan Jeb Bush (adik kepada bekas Presiden George W. Bush yang pernah menyandang jawatan Gabenor negeri Florida). Donald Trump yang terkenal dengan siri realiti TV *The Apprentice*, merupakan seorang kapitalis besar yang membawa idea-idea yang rasis, xenofobia, dan seksis. Retorik Trump yang populis memang mendapat sokongan daripada anggota-anggota Parti Republikan yang berfahaman konservatif. Hujah-hujah politik Trump yang penuh kontroversi mencerminkan intipati politik reaksioner yang ekstrim dalam Parti Republikan.

Sementara itu, pertandingan dalam Parti Demokrat telah tinggal dua orang sahaja, iaitu Hilary Clinton dan



Bernie Sanders. Persaingan antara kedua-duanya amat sengit dan barangkali merupakan pertandingan pemilihan awal yang paling penting dalam sejarah Parti Demokrat. Ini disebabkan pemilihan awal calon presiden untuk Parti Demokrat kali ini, bukan sahaja tentang memilih personaliti yang mana satu akan bertanding dalam pilihanraya presiden yang akan diadakan pada November akan datang, tetapi ini merupakan pertarungan yang menentukan halatuju politik dan sosio-ekonomi untuk AS.

Dalam pemilihan awal di Iowa, Hilary menang tipis dengan undi sebanyak 49.84%, mengalahkan Sander yang meraih undi sebanyak 49.59%. Namun, seminggu kemudian di New Hampshire, Sanders menang dengan perbezaan undi yang besar dengan mendapat sebanyak 60.98% undi berbanding Hilary yang hanya ada 30.20% undi. Setakat ini, Sanders telah mendapat sebanyak 36 undi perwakilan berbanding

dengan Hilary yang hanya 32 undi.

Calon presiden untuk Parti Demokrat akan ditentukan dalam Konvensyen Nasional Demokrat (DNC) yang akan diadakan di Philadelphia pada penghujung bulan Julai akan datang. Seramai 4764 orang wakil akan menghadiri Konvensyen tersebut, dan seorang calon perlu mendapat undi sokongan daripada 2383 perwakilan untuk

dicalonkan dalam pilihanraya Presiden AS. Antara perwakilan yang berhak mengundi, selain daripada mereka yang dipilih semasa proses pemilihan awal dengan undi yang pasti untuk seseorang calon, terdapatnya seramai 712 orang yang merupakan "superdelegasi".

Superdelegasi terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Nasional Parti Demokrat, pemimpin kehormat, gabenor, senator dan ahli-ahli Kongres daripada Parti Demokrat. Mereka ini merupakan teras kekuasaan Parti Demokrat yang mewakili kepentingan kelas kapitalis. Undi yang dipegang oleh superdelegasi boleh menjadi penentu atau mengubah keputusan pemilihan awal yang diadakan di semua negeri sekiranya persaingan antara calon amat sengit. Selepas dua pusingan pemilihan awal, walaupun Sanders meraih sebanyak 221,276 undi popular (dengan 36 undi perwakilan) mendahului Hilary yang mendapat 165,229 undi

popular (dengan 32 undi perwakilan), namun Hilary telah mendapat sekurang-kurangnya 362 undi daripada superdelegasi yang telah mengumumkan sokongan mereka berbanding dengan sokongan 8 undi superdelegasi untuk Sanders. Oleh itu, Hilary masih mendahului Sanders walaupun Sanders mendapat lebih banyak undi popular dalam pemilihan awal setakat ini.

Pertarungan antara Hilary dan Sanders merupakan pertembungan antara dua aliran dalam Parti Demokrat yang membawa halatuju yang sangat berbeza. Hilary yang mendapat sokongan daripada kebanyakan pemimpin kanan parti dan korporat besar mewakili dasar neo-liberal yang dibawa oleh kerajaan AS untuk 40 tahun yang lepas, termasuklah kerajaan semasa pimpinan suaminya Bill Clinton pada tahun 1990-an. Secara kontrari, Sanders yang mengaku dirinya sosialis secara terbuka mewakili aspirasi politik yang ingin mengubah sistem sosio-ekonomi yang sedia ada untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan yang semakin melebar sejak beberapa dekad yang lalu.



kampus Universiti Chicago. Pada tahun 1971-1977, Sanders menyertai *Liberty Union Party* yang membantah Perang Vietnam.

Sanders bertanding dalam pilihanraya Datuk Bandar Burlington di negeri Vermont pada tahun 1981. Beliau telah mengalahkan penyandang jawatan Datuk Bandar daripada Parti Demokrat. Sanders yang bertanding sebagai calon bebas telah berjaya menang pilihanraya Datuk Bandar Burlington untuk 4 kali. Semasa Sanders menjadi Datuk Bandar, Burlington muncul sebagai bandar pertama di AS yang memberi sokongan dana kepada program perumahan amanah komuniti (perumahan

mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah).

Pada tahun 1990, Sanders bertanding dalam pilihanraya Kongres dan menjadi calon bebas pertama yang menang dalam pilihanraya umum sejak tahun 1950. Sanders juga merupakan Ahli Kongres bebas yang paling lama dalam sejarah Kongres, dengan mempertahankan kerusinya sebanyak 8 kali.

Pada tahun 2006, Sanders menang dalam pilihanraya Senator yang mewakili negeri Vermont dengan 65.4% undi, dan menang lagi pada tahun 2012 dengan undian sebanyak 71%.

pendapatan mereka patutnya bertambah bukan berkurangan. Saya percaya pada syarikat yang bertapak, melabur dan berkembang di AS, bukannya syarikat yang menutup operasi di AS tetapi memeras buruh yang bergaji rendah di luar negara semata-mata untuk menambahkan keuntungan syarikat."

Sanders berpandangan bahawa perlu naikkan cukai ke atas korporat besar dan mereka yang terkaya, untuk mewujudkan sistem kebijakan sosial seperti yang wujud di Eropah Utara.

(sambung di m/s 12)

Siapa dia Bernie Sanders?

Sanders yang sudah berusia 74 tahun, adalah seorang ahli politik yang agak veteran tetapi merupakan orang luar untuk Parti Demokrat. Sanders yang tiada sokongan korporat besar dilihat sebagai calon yang tidak mungkin akan menang dalam pilihanraya presiden, tetapi telah memberikan kejutan kepada rakyat AS, seperti kejutan yang dibawa oleh Jeremy Corbyn di UK. Kebangkitan Sanders telah



menimbulkan puting beliung politik kiri di AS.

Sander pernah menyertai organisasi pemuda Parti Sosialis AS pada zaman mudanya. Beliau aktif bergiat dalam gerakan hak sivil and anti-perang pada tahun 1960-an dan 1970-an. Sanders pernah menjadi pengajur kampus untuk organisasi pelajar progresif. Beliau telah memimpin aksi membantah dasar pengasingan mengikut warna kulit di

Sosialisme Sanders – New Deal pada abad ke-21

Sanders mengatakan dirinya adalah seorang "sosialis demokratik". Namun, apakah sosialis yang dimaksudkan oleh Sanders?

Idea "sosialisme" yang dibawa oleh Sanders, bukannya sosialisme revolusioner yang menghancurkan sistem kapitalis dan mengantikannya dengan sistem ekonomi sosialis yang dikuasai secara demokratik oleh seluruh rakyat, tetapi jenis "sosialisme" yang

dibawa oleh Franklin D. Roosevelt semasa beliau menjadi Presiden pada tahun 1930-an melalui "New Deal". New Deal merupakan siri program domestik yang dilaksanakan oleh pentadbiran Roosevelt untuk menangani kegawatan ekonomi yang serius. Tujuan pelaksanaan New Deal adalah menjamin hak ekonomi rakyat AS termasuklah gaji minimum, had tempoh masa kerja 40 jam seminggu, insurans pengangguran,

kebijakan pencen dan pengawalan yang lebih ketat ke atas bank-bank.

Sanders berkata, "Saya tidak percaya bahawa kerajaan patut mengambil alih kedai runcit di tepi jalan ataupun menguasai sepenuhnya cara-cara pengeluaran ekonomi, tetapi saya percaya bahawa kelas menengah dan pekerja yang menghasilkan kekayaan AS patut menikmati taraf kehidupan yang bermaruah, dan



Muat turun percuma (bukan derma)

Ramai orang suka benda percuma. Tapi mungkin ada yang lupa, benda percuma dihasilkan dengan tenaga dan masa orang-orang yang menghasilkannya. Maka ia percuma dengan makna tidak perlu dibayar wang, tetapi bukan dalam erti kata untuk mengadakannya. Jika untuk karya seni percuma pula, pastinya pengkarya itu mahu hasilnya dihayati. Tersenarai di bawah adalah hasil tulisan, lukisan, dan bunyian yang diberi percuma. Tidak

perlu bayaran, tidak perlu dikembalikan. Sebab jika ada bayaran ia dipanggil jualan, jika perlu dipulangkan ia dipanggil derma.

Menulis, melukis, bermuzik adalah seni. Seni ialah kerja. Kerja seni untuk pembebasan masyarakat ialah suatu yang mulia.

NASKHAH PERCUMA



ISMAL HASHIM YAHAYA

Diterbitkan oleh Dubook Press, naskah ini mengumpulkan karya tulisan Ismail Hashim Yahaya. Sekali tengok rekaan muka depannya, teringat kepada kulit depan album Pink Floyd. Sepertimana tajuknya - TPPA, ia jelas, padat, dan dengan bahasa yang mudah dihadam. Naskah ini pernah juga disebut sebagai rujukan ketika perdebatan TPPA di dalam Dewan Negara pada awal tahun. Buku berformat PDF ini boleh dimuat turun percuma tanpa perlu daftar di pautan di bawah;

<http://dubookpress.com/produk/tppa-naskah-percuma/>

NASKHAH PERCUMA

MAT RODI
AZWAN OMAR

Satu lagi naskah percuma dari Dubook Press. Jika yang bermuka depan karikatur babi itu bersifat membangkang, TPPA harimau pula mengandungi hujah menyokong. Hasil Mat Rodi dan Azwan Omar, mereka menekankan bahawa harus dibaca dua-dua belah sebelum menyokong atau membantah TPPA. Apa pun, buku yang rekaan muka depannya seperti logo sebuah perbankan tempatan atau pasukan bolasepak negara ini boleh dimuat turun di laman Dubook Press seperti di atas. Ia juga telah diedar secara percuma di Parlimen ketika sidang membincangkan Perjanjian Perdagangan Trans-Pasifik.

Lagu-lagu percuma ini ialah satu usaha julung kali merakamkan karya-karya muzik dari empat kugiran iaitu *Wordmanifest*, *RAV*, *Ben's Bitches*, dan *Straits of Celaka*. Ini ialah cubaan mereka untuk menzahirkan rasa keresahan yang meresap dalam masyarakat Malaysia. Ia adalah tindak balas terhadap keadaan politik negara.

24HOCD dimulakan dengan prolog yang memberi deskripsi dengan suara dari perisian komputer. Lakukan sesuatu, katakan sesuatu - inilah seruannya.

"...bukan manifesto, tetapi akujanji kepada rakyat...Bila Barisan Nasional berjanji, janji di....tepati!"

Suara sang koruptor dengan janji-janjinya memulakan lagu *Jadah*. Lagu bernada sikap meluas didendangkan dengan gaya *rap* dan disulami kembali suara sang koruptor yang melaungkan "Haram

jadah!"

Lagu seterusnya pula oleh *Straits of Celaka*. Dengan permainan instrumen yang pelik lenggoknya, ia penuh dengan kata-kata kemarahan terhadap penipu. Lagu keempat dari *Ben's Bitches* berirama ala lagu rakyat koboi dengan tajuk '*Old man in a big house*'. Ben Bitches memang dikenali dengan lagu-lagu bersifat sinikal dan humor.

RAV pula menghidangkan dua lagu tanpa vokal mereka iaitu '*Gravity*' dan '*Sayangku Sayang*' yang bingit dan bermain dengan tanda masa. Lagu-lagu instrumental ini elok juga dijadikan lagu montaj berita di TV tentang ketamakan kuasa pemerintah. Jangkaan bahawa lagu *Sayangku Sayang* ialah satu lagu yang klise dengan tema cinta



ternyata bukan seperti tajuknya.

Satu lagi lagu sumbangan *Straits of Celaka* ialah *Sedation Act* yang juga bernada marah dan membawa semangat memberontak. Lagu ini dengan korus tiga perkataan mudah

untuk dinyanyikan bersama. Lagu terakhir pula karya *Ben's Bitches* dalam bahasa Malaysia. Lagu ini mungkin boleh dibawa untuk dinyanyi beramai-ramai bagi memenuhi ruang masa yang ada ketika berhimpun atau berkhemah.

24 hours of civil disobedience disudahi dengan lagu *Jadah* versi tanpa nyanyian. Mungkin bukan semua orang akan suka atau senang dengan kompilasi lagu-lagu tidak puas hati ini. Tetapi diharapkan penggiat seni muzik di Malaysia dapat menghasilkan lebih banyak karya dengan tujuan sebegini bagi mewarnai suasana politik. Tanpa lagu dan muzik, politik mungkin hanya bingit dengan suara-suara ceramah sahaja.

Himpunan lagu-lagu *24 Hours of Civil Disobedience* ini boleh dimuat turun di pautan berikut:

<http://bit.ly/24hocdv1>



Buku mewarna yang tidak disenangi oleh penyokong dua belah pihak, pemerintah maupun pembangkang. Karya seni Fahmi Reza ini tidak sesuai untuk penyokong politik yang cepat melenting. Akibat karya satira badutnya, Fahmi Reza telah diberi amaran oleh pihak polis di laman Twitter. Amaran dengan niat untuk menakutkan itu sebaliknya mendapat serang balas bertalu-talu oleh GRUPA (Grafik Rebel Untuk Protes & Aktivisme). Grupa ialah suatu komuniti pereka grafik yang lahir 5 hari menjelang perhimpunan Bersih 4 pada tahun lalu. Pada asalnya kesemua pereka-pereka grafik tidak saling mengenal, namun mereka bergerak atas satu tujuan yang sama – menghasilkan poster untuk dibawa ke perhimpunan dan untuk aktivisme. Bukan sahaja

Grupa, malahan rakan-rakan dan ramai yang lain khususnya anak muda turut bersama bersolidariti untuk Fahmi Reza sambil membedil susur masa laman sosial dengan lakaran sang diktator yang dibadutkan masing-masing.

Sebelum ianya diharamkan, dapatkannya di:

<http://bit.ly/ABCpolitikusMalaysia>

atau di sini:

<http://bit.ly/ABCpolitikusMalaysia2015>

Buku ini selamat dimuat turun pada waktu rencana ini disiapkan. Jika kalian cuba untuk mendapatkannya di pautan di atas, tapi telah disekat, maknanya karya satira ini memang mengena!





Minda Kiri

(bersambung dari edisi Jan-Feb 2016)

Pengasingan antara pekerja dengan pekerja yang lain

Kapitalisme menjadikan buruh itu komoditi yang boleh dijual dengan sesuatu harga tertentu di pasaran, bukannya lagi hubungan sosial sesama manusia (kegiatan sosio-ekonomi yang membina yang menjadi sebahagian daripada usaha bersama secara kolektif antara manusia untuk memastikan survival setiap orang dan kebaikan masyarakat).

Dalam ekonomi kapitalis, golongan kapitalis yang memiliki cara-cara pengeluaran mewujudkan pasaran buruh untuk memerah buruh (nilai) sebanyak mungkin daripada pekerja.

Penyusunan ekonomi kapitalis terhadap hubungan pengeluaran menimbulkan konflik sesama pekerja. Pekerja-pekerja dilakukan sesama sendiri dalam persaingan untuk dapatkan kerja, "gaji yang lebih tinggi" dan "naik pangkat", sehingga mengasingkan diri mereka daripada kepentingan ekonomi bersama antara pekerja-pekerja. **Pekerja bermusuhan sesama sendiri.** Ini mengakibatkan kesan wujudnya **kesedaran palsu** di kalangan pekerja, iaitu satu bentuk kawalan ideologi yang dikenakan oleh kelas pemerintah (kapitalis) ke atas kelas yang diperintah (pekerja).

Pengasingan menghancurkan kreativiti manusia

Dalam masyarakat tanpa kelas yang wujud sebelum ini, iaitu pada zaman primitif, kebanyakan aktiviti kreativiti seperti kesenian, muzik, lukisan, ukiran dan tarian, adalah berkaitan rapat dengan kegiatan buruh dan pengeluaran. Manusia sebagai pengeluar ingin menjadikan barang hasilannya kelihatan lebih menarik bagi dirinya, keluarganya, saudara-maranya dan rakan-rakannya. Daya kreativiti adalah sebatи secara organik dalam proses pengeluaran. Namun, pembahagian kerja yang menghasilkan perbezaan kelas sosial, menyebabkan kreativiti, aktiviti estetik dan ilham seni tidak lagi dijumpai dalam perbuatan pengeluaran (seperti yang kita jumpai dalam masyarakat primitif, melalui penemuan artifak arkeologi yang menggambarkan kegiatan buruh/pengeluaran dalam bentuk lukisan/kesenian), malah menjadi hak milik eksklusif kelas pemerintah (atau artis yang bergantung pada kelas pemerintah). Ini khususnya dalam masyarakat

Pengasingan

Bahagian 2

kapitalis, daya penciptaan/kreativiti pekerja (sebagai seorang manusia) dalam perbuatan pengeluaran sosial telah digantikan dengan kerja-kerja mekanikal yang berulang-ulang tanpa makna sebenar untuk pekerja.



Dalam keadaan masyarakat tanpa kelas, manusia tidak menganggap buruh itu sesuatu kewajipan yang dipaksa dari luar, kerana kegiatan buruh dalam keadaan sebegini adalah amat berbeza dengan buruh di bawah sistem kapitalis hari ini (di mana kegiatan buruh itu adalah begitu intensif sehingga meletihkan pekerja). Buruh dalam masyarakat tanpa kelas (seperti pada zaman primitif), adalah lebih harmoni dengan fizikal badan manusia dan adunan irama alam semulajadi. Pengeluar, barang dan penggunaan barang yang dihasilkan itu adalah sebatи, kerana pengeluar menghasilkan barang untuk kegunaan dirinya sendiri ataupun teman-teman dalam masyarakat, maka dia dapat melihat kesan langsung kerjanya.

Pengasingan buruh yang wujud pada zaman moden, terjadi kerana adanya satu jurang antara pengeluar dengan barang hasilannya. Jurang ini disebabkan dua faktor:

- i. **pembahagian kerja;**
- ii. **pengeluaran komoditi.**

Dalam erti kata lain, pengasingan, adalah kesan yang timbul akibat daripada **kerja itu dilakukan untuk pasaran dan pengguna yang tidak dikenali**, bukannya untuk penggunaan terus oleh pengeluar itu sendiri.

Walau bagaimanapun, jika sesuatu masyarakat hanya menghasilkan nilai guna sahaja (seperti dalam masyarakat primitif), iaitu hanya mengeluarkan barang yang digunakan secara terus oleh pengeluar itu, masyarakat sebegini selalunya merupakan satu masyarakat yang serba kekurangan dari segi kebendaan. Masyarakat sebegini bukan sahaja lemah dan rapuh apabila menghadapi ancaman alam sekitar, malah perlu menghadkan keinginan manusia dalam satu lingkungan yang sempit, kerana keinginan dan kehendak manusia itu perlu bersesuaian dengan tahap pengeluaran barangannya yang serba kekurangan dan terhad. Bukan semuanya keinginan manusia itu semula jadi. Antara keinginan dan pengeluaran, antara perkembangan




daya pengeluaran dan kemunculan keinginan yang baru, wujudnya saling tindakbalas atau interaksi dialektik yang berterusan. Perkembangan keinginan manusia yang berterusan, kemajuan dan penampilan potensi yang tiada batas, sehingga penyempurnaan sifat manusia itu secara harmoni dan lengkap, hanya boleh tercapai apabila masyarakat berada pada tahap di mana perkembangan daya pengeluaran buruh itu sampai ke kemuncak dan mempunyai kepelbagaiannya barang yang tiada had untuk kehidupan manusia. Oleh yang demikian, masyarakat tanpa kelas yang diperjuangkan oleh golongan Sosialis, bukannya kembali kepada masyarakat primitif, tetapi masyarakat dengan pengagihan kekayaan secara samarata yang didirikan atas dasar daya pengeluaran buruh yang telah berkembang pesat dalam masyarakat kapitalis (tetapi pekerja disekat kemanusiaan dan potensi untuk terus berkembang di bawah sistem kapitalis).

Dalam konsep Marxis, perjuangan

kelas yang menukar sistem kapitalis kepada sosialis itu merupakan satu proses revolusi yang mengubah hubungan pekerja dengan cara-cara pengeluaran secara fundamental, menjadikan hubungan sosial ini sesuatu yang samarata dan tidak lagi berkonflik, kerana tiada lagi perbezaan secara buatan manusia dalam nilai buruh seseorang pekerja. Di bawah sebuah masyarakat tanpa kelas, kemanusiaan pekerja itu akan dipulihkan dan dihormati, dan setiap insan tidak lagi diasingkan.

Pengagihan hasil buruh (kekayaan masyarakat) secara langsung dan adil untuk setiap orang pekerja, yang memanfaatkan kepentingan setiap anggota masyarakat, akan mewujudkan keadaan di mana tiada lagi pengasingan ke atas buruh masyarakat. Pemulihran sifat kemanusiaan pekerja dalam keadaan sebegini akan membolehkan setiap manusia dapat mengembangkan potensi kemanusiaannya secara bebas dan menentukan nasib sendiri (secara kolektif) tanpa sebarang pemaksaan.

##



Aksi Protes bantah TPPA

Pada 23 Januari yang lalu, ribuan rakyat Malaysia telah turun berdemonstrasi di jalan-jalan Kuala Lumpur untuk menyuarakan bantahan yang kuat terhadap Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

TPPA merupakan sebuah perjanjian perdagangan bebas antarabangsa yang dirunding dan ditandatangani oleh 12 buah negara termasuklah negara kita, Malaysia. TPPA merupakan alat penjajahan terbaru untuk korporat antarabangsa memperluaskan kekuasaan dan memaksimumkan keuntungan dengan menggadaikan kepentingan rakyat biasa.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) bersama dengan masyarakat sivil dan parti-parti pembangkang telah mengadakan aksi protes yang berarak dari Maju Junction ke Dataran Merdeka. Para peserta aksi bantah TPPA telah melaungkan slogan dan menyanyikan lagu perjuangan dengan penuh semangat. Para demonstran menuntut pada semua ahli parliment supaya mengundi untuk menolak TPPA dalam perdebatan tentang TPPA dalam sidang khusus Dewan Rakyat yang diadakan pada 26 Januari 2016. Wakil rakyat dalam Parliment perlu menolak TPPA sekiranya mereka betul-betul mengutamakan hak dan kepentingan rakyat. Namun, kesemua ahli parliment



daripada parti pemerintah BN telah mengundi untuk menyokong TPPA tanpa mempedulikan seruan bantahan yang kuat daripada masyarakat akar umbi. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlu teruskan dan tingkatkan usaha untuk menentang ancaman neo-liberal yang semakin menghakis kepentingan rakyat biasa.

Ada pihak yang membantah TPPA menggunakan hujah berasaskan politik perkauman yang sempit, tetapi perjuangan menentang TPPA merupakan perjuangan rakyat yang melangkaui perkauman dan agama, kerana ia adalah ancaman daripada kapitalis besar antarabangsa yang akan menggadaikan kesejahteraan semua rakyat biasa. Oleh itu, mempergunakan sentimen perkauman bukan sahaja tidak dapat memajukan gerakan rakyat membantah TPPA, malah akan terjatuh dalam perangkap kuasa imperialis yang cuba memecah-belahkan rakyat sejak zaman penjajahan lagi.

Perjuangan belum selesai. Kita perlu perkuatkan lagi kuasa rakyat untuk menentang ancaman daripada kapitalis antarabangsa dan proksi-proksi mereka dalam negara kita. ##



Sudut Komik #KitaSemuaPenghasut



Aktivis Fahmi Reza telah diberi amaran oleh Pusat Tindak Balas Siasatan Siber Polis (PCIRC) bahawa akaun twiternya sedang diawasi selepas beliau memuat naik karikatur Najib sebagai badut. Namun, Fahmi tetap dengan pendiriannya dalam usaha menggunakan seni untuk menyedarkan rakyat supaya bangkit melawan ketidakadilan.